

Penderma tidak lagi nikmati pelepasan cukai?

KUALA LUMPUR 5 Sept. -

Masyarakat yang ingin menderma kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) kini tidak lagi menerima pengecualian cukai selepas status yayasan tersebut telah digugurkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Perkara itu dimaklumkan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah NKF, Datuk Dr. Zaki Morad dalam kenyataan yang memberitahu pengguguran status pengecualian cukai yayasan berkenaan berkuat kuasa serta-merta bermula 29 Ogos lalu.

Jelas beliau, hal demikian susulan daripada proses audit dijalankan LHDN terhadap NKF beberapa bulan lalu yang mendapati yayasan itu tidak mematuhi beberapa proses di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 melibatkan prosedur dan struktur perakaunan yang tidak menunjukkan dengan jelas penggunaan khusus dana yang disumbangkan, terutamanya untuk proses dialisis.

"Namun begitu, NKF dengan tegas ingin menjelaskan bahawa laporan audit itu tidak menunjukkan penyalahgunaan dana, malah juruaudit luaran kami iaitu Deloitte Malaysia juga tidak mendapati sebarang penyalahgunaan berlaku.

"LHDN telah menasihati NKF untuk segera memohon semula status pengecualian cukai dan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Buat masa ini, NKF sedang mendapatkan khidmat nasihat perunding cukai dalam meastikan permohonan itu memenuhi garis panduan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Usaha *Utusan Malaysia* mendapatkan komen Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Seri Sabin Samitah tidak berhasil apabila panggilan telefon tidak berjawab manakala pesanan melalui aplikasi WhatsApp pula tidak dibalas.

Dalam pada itu, Zaki memberitahu, NKF ingin memberi jaminan kepada semua penderma, penyokong, pesakit dan ahli yayasan itu bahawa ia akan tetap meneruskan komitmennya membantu pesakit buah pinggang miskin mendapatkan rawatan bersubsidi, menggalakkan kesedaran kesihatan ginjal dan pengesanan awal serta pencegahan penyakit buah pinggang.